

PM: Pilihan raya cepat elak

PUTRAJAYA 10 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau mempercepatkan pembubarisan Parlimen kerana menjangka parti-parti pembangkang akan menggunakan cara rusuhan dan demonstrasi untuk menjatuhkan kerajaan.

“Mereka akan cuba menggagalkan pilihan raya ini dengan mengadakan rusuhan di sana-sini. Mungkin mereka akan mengganas supaya kita



tidak dapat mengadakan pilihan raya dan mereka

akan tuduh pilihan raya dilaksanakan secara tidak adil.

“Ini semua kita sudah ramal terutama apabila mereka sudah tahu bahawa mereka akan kalah,” katanya pada sidang akhbar mengumumkan pembubarisan Parlimen di sini hari ini.

Pada sidang akhbar itu, Perdana Menteri meminta rakyat bertenang dalam menghadapi pilihan raya umum ke-10.

“Saya minta rakyat bertenang dan tidak terbawa-

bawa dengan perkara yang tidak diinginkan,” katanya.

Dr. Mahathir juga menasihatkan para petugas pilihan raya Barisan Nasional (BN) supaya mengelakkan melakukan sesuatu yang boleh mencetuskan sesuatu yang tidak diinginkan.

“Para pengurus pilihan raya BN akan bertindak secara tertib dan ber-sopan,” katanya.

Menurut beliau, BN bersiap sedia menghadapi pilihan raya umum terma-

pembangkang merusuh

UM 11 NOV 1999

suk telah mencetak se-panduk, poster dan menggerakkan jentera pilihan raya.

Dr. Mahathir turut mendedahkan apa yang dipanggil barisan alternatif tidak wujud kerana parti-parti itu berpecah.

“Mereka akan bercakaran. Percayalah,” katanya.

Beliau berkata, parti-parti pembangkang akan berjanji apa sahaja “di bawah bulan dan matahari” kerana mereka tahu mereka akan kalah.

“Rakyat harus bijak

menilai setiap yang dijanjikan sama ada logik atau tidak. Sebelum ini janji-janji pembangkang kepada sesama mereka tidak dikotakan.

“Dahulu semasa Pas hendak dapatkan sokongan Parti Melayu 46, mereka menjanjikan wakil rakyat dari S46 jawatan Timbalan Menteri Besar tetapi bila menang, mereka tidak lantik. Itulah janji parti lawan.”

Ditanya mengenai kehadiran pemerhati asing dalam pilihan raya Malay-

sia, Dr. Mahathir berkata, parti kerajaan tidak boleh menghalang mereka untuk datang.

“Jika mereka tidak suka, mereka akan kata pilihan raya ini tidak adil. Jika suka, mereka akan suka.

“Yang penting bagi kita adalah memastikan pilihan raya ini benar-benar adil untuk semua.

“Di sesetengah negara parti pembangkang tidak ada peluang untuk menang sama sekali. Di negara ini, parti pembang-

kang-bukan saja boleh menang kerusi tetapi boleh membentuk kerajaan. Ini merupakan semula jadi demokrasi,” katanya.

Mengenai senarai calon BN, Perdana Menteri berkata, beliau belum “tahu senarai itu tetapi mungkin ada muka-muka baru.”

Menurut Dr. Mahathir, perbincangan dengan para pemimpin BN akan diadakan untuk menentukan senarai calon pilihan raya.